BH AHAD

HARI : AHAD
TARIKH : 5/1/2020
M/SURAT : 36

Penangguhan subsidi petrol timbulkan pelbagai reaksi pakar

Kuala Lumpur: Keputusan kerajaan menangguhkan pelaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP) bulan ini menimbulkan pelbagai reaksi daripada pakar ekonomi.

Penangguhan itu bertujuan memberi ruang untuk sesi penerangan dan penjelasan diteruskan, di samping memberi kefahaman dan mempersiapkan rakyat bagi menerima pelaksanaan program berkenaan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam kenyataan pada 30 Disember lalu, berkata keputusan itu turut memberi ruang kepada proses pendaftaran penerima subsidi daripada kelompok M40 yang akan dikendalikan Kementerian Kewangan.

Pada 1 Januari lalu, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pula, berkata penangguhan pelaksanaan PSP kerana kerajaan bimbang pengapungan harga petrol akan menyebabkan kenaikan kos sara hidup rakyat.

Ketua Pakar Ekonomi, Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid senada dengan sentimen dibangkitkan Guan Eng dengan berkata, penangguhan program itu akan membantu mengurangkan kenaikan kos sara hidup memandangkan harga petrol RON95 akan naik jika PSP diteruskan.

Ketika ini, beliau mencadangkan kerajaan merangka formula berkesan untuk memastikan subsidi hanya akan diberikan kepada golongan yang benar-benar layak seperti mereka daripada kumpulan berpendapatan rendah atau dikenali sebagai B40.

"Pangkalan data mengenai kumpulan berpendapatan rendah perlu diperhalusi untuk memastikan hanya mereka yang layak dapat menikmati pemberian subsidi itu menerusi mekanisme pengeluaran cepat dan cekap," katanya kepada BERNAMA.

Beliau berkata, bagi mengelakkan kekeliruan, kerajaan mesti memberikan penjelasan mengenai pelaksanaan PSP.

Selain itu, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan sedia ada khususnya Akta Kawalan Harga 1946 perlu diperketat untuk menyekat peniaga yang tidak bertanggungjawab daripada mengambil kesempatan daripada PSP melalui pencatutan dan penyelewengan.

Sementara itu, dalam temu bual menerusi e-mel, Ketua Penyelidikan Ekonomi ASEAN, RHB Investment Bank Bhd, Peck Boon Soon, berkata dia terkejut mengetahui penangguhan itu.